

# Berhati-hati pilih bahan pembelajaran

APA jua kaedah mengaji al-Quran yang kita pakai, kandungan surahnya perlu menepati *Rasm Uthmani*.

Pastikan *rasm* yang dipilih adalah betul iaitu *Rasm Uthmani* dengan melihat cop logo hologram KDN pada produk terbabit

Oleh HASHNAN ABDULLAH

**S**ISTEM pembelajaran al-Quran telah mengalami proses evolusi yang selari dengan peredaran zaman dan masa. Bermula dari zaman Rasulullah SAW yang menggunakan kaedah bertalaqqi musyafahah. Kemudian ia berkembang dengan baik sehingga kini muncul pelbagai kaedah pembelajaran al-Quran yang menurus kepada aspek kepantasan dalam menguasai elemen penguasaan huruf hijaiyyah dan bacaan yang betul.

Dikatakan di Malaysia sahaja terdapat 35 jenis kaedah pembelajaran al-Quran tetapi setakat ini, hanya tujuh daripadanya yang disahkan aktif.

Sejarahnya di Malaysia bermula dengan muqaddam sebelum diikuti oleh sistem pembelajaran Iqar pada 1990-an yang ditulis oleh Asaad Human dari Indonesia.

Seorang pakar bidang al-Quran dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr. Khairul

Anuar Mohantad menyifatkan sumbangan sistem pengajian Iqar cukup besar dalam menarik lebih ramai umat Islam membaca al-Quran itu.

"Asaad telah membuat kajian yang bukan hanya berkisar tentang aspek mengenal huruf hijaiyyah dan bacaan tetapi juga menyentuh elemen reka bentuk buku agar ia nampak menarik dan segar.


"Pada saya, kesungguhan Asaad itu telah mencetus minat pakar atau penyelidik al-Quran untuk menghasilkan lebih banyak sistem pembelajaran kitab suci itu," katanya ketika ditemui di pejabatnya di USIM, baru-baru ini.

Bagaimanapun apa yang menjadi kebimbangan Ketua Program Quran dan Multimedia, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah USIM itu adalah jenis *rasm* al-Quran yang digunakan dalam kaedah pembelajaran kitab suci tersebut.

Ini kerana, beliau yang juga adalah ahli Lajlah Tashih Al-Quran Kementerian Dalam Negeri (KDN) menambah, ia melibatkan soal hukum kerana *rasm Uthmani* adalah *mutafaq* iaitu yang digunakan oleh semua ulama sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

"Ada dua *rasm* al-Quran iaitu Uthmani dan Qiasi. Kita menggunakan *rasm Uthmani* kerana ia diterima oleh ramai ulama dan ia digunakan sejak zaman Rasulullah SAW dan para sahabat.

"*Rasm Qiasi* pula adalah tulisan yang mengikut sebutan manusia dan besar kemungkinan ia akan mengalami perubahan dan penyelewengan mengikut masa. Sedangkan dasar penulisan al-



MUNGKIN bagi yang baharu dapat hidayah, belajar mengaji al-Quran secara berkumpulan bukan pilihan tepat.

- Gambar hiasan



WALAU PUN kini muncul al-Quran dalam bentuk digital tetapi surahnya perlu selari dengan kehendak *Rasm Uthmani*.

Quran tidak boleh berubah dan perlu konsisten sehingga kiamat," katanya.

## Berhati-hati

Justeru, Dr. Khairul menyeru masyarakat umum agar lebih berhati-hati dalam mempelajari kaedah pembelajaran al-Quran yang ada di pasaran hari ini.

Beliau berkata, apa yang masyarakat umum boleh lakukan adalah meminta syarikat atau pemilik kaedah itu menunjukkan cop logo hologram KDN sebagai satu pengesahan bahawa mereka menggunakan *rasm Uthmani*.

"KDN tidak akan pertikai sistem yang diguna pakai untuk membantu umat Islam membaca al-Quran tetapi soal surah yang digunakan itu perlu mendapat cop pengesahan daripada pihak kami terlebih dahulu," katanya.

Dalam masa sama, Dr. Khairul mengangap kewujudan banyak kaedah pembelajaran itu sebagai satu usaha kreatif dan inovasi kalangan pakar atau penyelidik al-Quran.

Ini kerana, beliau percaya usaha sedemikian perlu kerana tidak semua orang sesuai dengan sistem pembelajaran yang mereka tawarkan.

"Persaingannya cukup sengit tetapi

saya sarankan agar mereka bersaing secara sihat dan menghormati satu sama lain kerana matlamat mereka semua sama iaitu menambah bilangan umat Islam yang celik al-Quran," katanya.

Bagi masyarakat umum Islam pula, beliau berkata, adalah menjadi kewajipan untuk mencari guru atau kaedah pembelajaran al-Quran sesuai supaya boleh membaca dan memahami maksud ayat dalam kitab suci itu.

Malah tambahnya, masyarakat tidak boleh lagi memberi alasan sibuk dengan urusan dunia dan keluarga kerana kaedah itu dicipta untuk menyelesaikan alasan kesibukan itu.

"Kaedah itu akan memudahkan orang ramai dan sepatutnya dengan adanya penawaran pelbagai kaedah tersebut, umat Islam perlulah merebut peluang untuk mempelajari al-Quran.

"Kita perlu mengubah tanggapan yang mengatakan bahawa belajar al-Quran itu satu perkara yang susah. Ini kerana teknik atau kaedah pembelajaran al-Quran itu sudah menyediakan kemudahan bagi mengatasi pelbagai masalah yang timbul berkaitan penguasaan al-Quran.

"Masyarakat kena mendekati diri kepada kaedah itu dan jangan tunggu dan lihat. Jika suka kepada kaedah itu, pergi dan belajarlah. Itulah yang sepatutnya," katanya.



## Rasm Uthmani

- ➔ Naskah al-Quran yang ditulis semula di zaman pemerintahan Khalifah Uthman bin Affan atas arahan beliau sendiri.
- ➔ Usaha itu dibuat berikutan wujudnya perselisihan yang ketara antara umat Islam berhubung kaedah bacaan al-Quran.
- ➔ Oleh kerana usaha menulis mushaf ini dilakukan di zaman beliau maka dipanggil Mushaf Uthmani iaitu disandarkan kepada nama beliau. Inilah mushaf yang ada pada kita sekarang.
- ➔ Antara kelebihan *rasm Uthmani* adalah menjadi sebahagian rukun bacaan al-Quran, meliputi tujuh huruf dan bertepatan dengan pembentangan bacaan al-Quran terakhir.
- ➔ Menggunakan enam kaedah pengesahan *Rasm Uthmani* iaitu Hazaf, Jiyadah, Al-Badal (tukar), Hamzah, Washal dan Fashl (kalimah bersambung) dan kalimah yang satu boleh dibaca dengan dua bacaan.
- ➔ Zaid Ibnu Thabit, Abdullah Ibnu Az-Zubair, Sa'id Ibnu Ash dan Abdurrahman Ibnu Harith Ibnu Hisyam r.a adalah mereka yang diarahkan menulis *rasm Uthmani*.
- ➔ Selepas itu, Khalifah Uthman telah mengarahkan supaya semua lembaran al-Quran yang ditulis sebelum ini dikumpulkan untuk dibakar atau dilupuskan.



DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD